

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL
AZIZ [BACHOK]**

TARIKH : 6 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [BACHOK] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan perancangan strategik bagi mengatasi masalah pencemaran kualiti air (Air Masam Kelat) di kawasan IADA Kemasin Semerak (Pengairan Jelawat/Rusa) yang penting bagi peningkatan pengeluaran hasil padi kepada petani yang bergiat aktif dalam kawasan IADA Kemasin Semerak.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawasan pengairan bagi Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kemasin Semerak di Jajahan Bachok melibatkan tiga (3) kawasan utama iaitu Skim Pengairan Kemasin Hilir, Skim Pengairan Jelawat Rusa dan Skim Pengairan Semerak Hulu yang melibatkan kawasan seluas 1,240 hektar.

Masalah air masam kelat berpunca daripada kawasan gelam yang berdekatan. Projek Saliran Gelam Utama di Beris Lalang dilaksanakan bagi mengalirkan air masam kelat tersebut terus ke laut menerusi Sungai Gali. Walau bagaimanapun, saliran Gelam Utama didapati semakin mendap menjadikan saliran tersebut cetek. Ini menyebabkan limpahan Saliran Gelam ini memasuki kawasan pengairan Jelawat Rusa dan seterusnya ke kawasan padi.

Bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan telah meluluskan Projek Menaiktaraf Sistem Saliran Pertanian Dalam Kawasan IADA Kemasin Semerak yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Kelantan. Projek ini telah diluluskan pada Mac 2020 dan dijangka siap sepenuhnya pada Julai 2022 dengan nilai kontrak sebanyak RM3,940,390. Antara skop projek termasuk kerja-kerja penggalian dan pembersihan saliran pertanian serta penyelenggaraan pintu kawalan.

Sekian, terima kasih.